

Percubaan palsukan Terombo Luak Sungai Ujong

SEREMBAN, Khamis — Anak-anak Waris Perut Ulu daripada Rumpun Tinggang, Dusun dan Nyonyoi hari ini mendakwa sekumpulan anak-anak Waris tertentu daripada Perut itu cuba memalsukan Terombo Luak Sungai Ujong untuk kepentingan sendiri.

Jurucakap anak-anak Waris daripada ketiga-tiga Perut berkenaan berkata percubaan oleh kumpulan itu bertujuan memberi kuasa tidak terbatas kepada empat Lembaga Tiang Balai lama Luak Sungai Ujong dalam urusan pemilihan Datuk Kelana (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10.

"Ini seolah-olah akan menjadikan Datuk-Datuk Lembaga Tiang Balai lama luak itu sebagai satu kuasa mutlak dalam menentukan bakal penyandang pesaka Datuk Kelana ke-10.

"Ini juga secara tidak langsung akan memberikan gambaran bahawa bi-

berkenaan adalah mengatasi bidang kuasa Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan serta Kerajaan Negeri," kata jurucakap itu kepada Berita Harian di sini.

Sehubungan ini, beliau mengulangi pendirian pihaknya yang mahu supaya Terombo asal luak itu diumumkan kepada semua anak Waris yang terbabit dalam urusan pemilihan Undang baru.

Pendirian

Beliau menambah aturan adat menggariskan bahawa bidang kuasa Datuk-Datuk Lembaga Tiang Balai luak itu adalah terhadap kepada penentuan bakal penyandang pesaka Datuk Kelana sahaja.

"Manakala kuasa untuk merestui atau menolak sesuatu perlantikan itu adalah terletak di tangan Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan dan bukannya di tangan Datuk-Datuk

10/4/87